

A. Gariskan kata yang salah ejaannya dalam ayat di bawah ini.

- 1 Pelbagai jenis kereta antik ditempatkan di ruang pamiran itu.
- 2 "Saya tidak dapat menukar baju ini kerana reset pembeliannya sudah hilang," kata Rania.
- 3 Wajah Puan Sabariah awit muda kerana beliau suka makan ulam-ulaman.
- 4 Semua pekerja di syarikat itu akan menerima bonos pada awal bulan depan.
- 5 Mekanik sedang memeriksa injin kereta Encik Sundram.
- 6 Pasangan suami isteri yang mengalami masalah rumah tangga itu dinasihati supaya berjumpa dengan kaunselur.

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Sudah hampir tiga tahun abang menamatkan pengajiannya di universiti, namun sehingga kini dia belum mendapat pekerjaan yang cucuk dengan kelulusannya.  
\_\_\_\_\_
- 2 Pengaruh rakan sebaya ialah satu daripada faktor golongan remaja terjebak dalam gejala sosial.  
\_\_\_\_\_
- 3 Julia ketawa terbahak-bahak sewaktu menonton filem komedi lakonan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.  
\_\_\_\_\_
- 4 "Perabut ini mahal harganya kerana dibuat daripada kayu jati," kata jurujual itu kepada Puan Tan.  
\_\_\_\_\_
- 5 Ketiga-tiga orang ahli panel forum itu berpendapat bahawa banjir pndatang asing membawa pelbagai kesan negatif kepada masyarakat dan negara.  
\_\_\_\_\_
- 6 Peristiwa anih yang berlaku di rumah kosong itu tidak akan dilupakan oleh Badrul selama-lamanya.  
\_\_\_\_\_
- 7 "Tiori yang mengatakan bahawa manusia berasal daripada monyet memang tidak masuk akal," kata Profesor Zulkifli.  
\_\_\_\_\_
- 8 Penyerang utama pasukan bola sepak sekolah kami berjaya menjaringkan gol kedua beberapa minit sebelum wisil penamat dibunyikan.  
\_\_\_\_\_

[8 markah]